

BN diduga tidak hadapi masalah kekeliruan kerusi

SETELAH Seremban, minat ramai sekarang tertumpu kepada Rungkup, sebuah kawasan pertanian di tepi Selat Melaka 30 kilometer dari bandar Teluk Intan.

Pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri bagi kawasan itu akan diadakan pada 3 Disember. Ini berikutan kematian wakil mereka, Haji Mohd Yaacob bin Haji Mohamed, 62, pada 29 Oktober lalu.

Demam pilihanraya itu sudah mula dirasakan sejak sebelum hari penamaan calon pada 17 November lalu.

Sejumlah besar penduduk di Rungkup ialah pekebun kecil kelapa dan koko. Ada juga yang mencari nafkah dengan menangkap ikan, udang dan lain-lain sumber laut.

Sungguhpun, pertandingan di Rungkup ini tidaklah sebesar atau sehebat seperti di Seremban tetapi ia tetap menarik.

Pertandingan di Rungkup ialah di antara dua musuh tradisional, Barisan Nasional akan bertanding satu lawan satu dengan Pas.

Calon BN ialah Enik Mohamed bin Jamrah, seorang perunding pengurusan serta bekas pegawai kerajaan, manakala calon Pas ialah Haji Ibrahim Hasan, 63, seorang guru agama dari Sitiawan.

BN dijangka tidak menghadapi masalah untuk mengekalkan kerusi Dewan Undangan Negeri ini. Sebaliknya, pencabar dari Pas sukar untuk menang.

Dari rekod pilihanraya Rungkup, kawasan ini boleh dikatakan hak milik BN atau dulunya Perikatan.

Di samping Pas, parti DAP juga pernah mencabar BN di Rungkup dalam pilihanraya umum 1974 dan 1978. Tapi tidak pernah menang, seperti Pas.

Pada pilihanraya umum 1964 dan 1969, wakil Perikatan, Enik Lope Hashim bin Ketong mengalahkan calon dari PMIP dengan kelebihan undi yang agak besar.

Meningkat

Pada 1974, pertandingan di antara BN, Pas dan DAP, Haji Mohd Yaacob yang kali pertama bertanding di situ memenangi kerusi itu dengan mendapat 3,621 undi manakala calon DAP, Enik A. Karim bin Zakaria mendapat 1,198 undi dan calon Pas, Enik Ibrahim bin Haji Sim mendapat 509 undi.

Haji Mohd Yaacob mengekalkan kerusi itu dalam pilihanraya umum 1978 dan 1982

dengan kelebihan undi yang besar.

Tetapi Pas telah dapat meningkatkan jumlah undi dalam pilihanraya umum 1978 dan 1982 itu. Pada 1978, calon Pas Enik Mat Ali bin Haji Alias mendapat 1,696 undi dan jumlah ini meningkat kepada 4,070 undi pada 1982 apabila Pas diwakili oleh Enik Ahmad Mashood bin Haji Masduki.

Para pemerhati politik di Perak berpendapat, calon BN untuk pilihanraya kecil itu ialah seorang yang sesuai memandangkan kelayakan akademik dan ketekohan yang ada padanya.

Seorang tokoh muda, Enik Mohamed Jamrah ialah ketua Umno bahagian Simpan Tiga, Rungkup.

Seorang pakar perunding pengurusan, Beliau mempunyai Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana dalam

pengurusan perniagaan dari Institut Pengurusan Asia di Filipina.

Beliau ialah bekas Penolong Pegawai Daerah Britu Gajah dan bekas Penolong Pegawai Kewangan Negeri sebelum menjadi ketua bahagian projek Perbadanan Kemajuan Negeri Perak.

Dilahir dan dibesarkan di Baglan Datoh, Enik Mohamed mencuba kegiatan politik pada pertengahan tahun 70-an dengan menjadi ketua Umno cawangan Simpan Tiga. Beliau dipilih menjadi ketua Umno bahagian tahun lalu.

Penting

Beliau membuka syarikat perunding selepas meletakkan jawatan dari Perbadanan Kemajuan Negeri Perak pada 1979. Beliau telah berkahwin dan mempunyai tiga orang anak.

Pas pula dari awal-awalnya mengumumkan, penyertaan mereka



MOHAMED JAMRAH

dalam pilihanraya kecil Rungkup bukan untuk menang.

Setiausaha Agung Pas, Haji Hassan Shukri memberitahu, kemenangan bukan menjadi keutamaan Pas kerana yang lebih penting ialah menyempatkan ajaran-ajaran Islam pada umum.

Katanya, Pas juga akan cuba mendedahkan penyelewengan yang berlaku dalam pentadbiran BN yang membesarkan cogan kata "Bersih, Cekap dan Amanah".

Isu isu BEM dan pindaan Perlembagaan juga akan kami dedahkan kepada rakyat kerana rakyat perlu mengetahui gambaran sebenar tentangnya," tegasnya.

Calon Pas, Haji Ibrahim Hasan, pula menolak kemungkinan beliau tidak akan diterima oleh pengundi-pengundi di Rungkup walaupun beliau tidak menetap di situ tetapi di Sitiawan.

"Saya ialah seorang anak tempatan Rungkup walaupun sekarang menetap di Sitiawan. Saya

memunyai banyak kaum kerabat di Selekoh dan Batu 26, Rungkup," tegasnya.

Haji Ibrahim berkata, beliau mendapat didikan awalnya dan pernah menjadi guru agama di Rungkup sebelum berpindah ke Sitiawan.

Di Sitiawan, beliau pernah menjadi guru agama Sekolah Anglo Chinese.

Sebelum hari penamaan calon lalu, seorang juruteknik di Jabatan Ukur di Shah Alam, Enik Shoab bin Yahaya, dalam satu kenyataan akhbar, telah mengemukakan dirinya sebagai calon bebas dalam pilihanraya kecil itu.

Dihubungi

Tetapi cabarannya tidak menjadi kenyataan kerana beliau tidak muncul di pusat penamaan calon di Pejabat Daerah Teluk Intan pada 17 November menyebabkan orang tertanya-tanya tentang kedudukannya.

Adalah difahamkan, beliau telah meletakkan jawatannya di Jabatan Ukur di Shah Alam dan tidak dapat dihubungi hingga sekarang.

Kawasan Rungkup mempunyai 18,083 pengundi. Dan jumlah ini, 11,341 ialah Melayu, 3,598 Cina dan 3,144 India.

Rungkup ialah salah satu dari dua kawasan Dewan Undangan Negeri di kawasan Parlimen Baglan Datoh. Ahli Parlimen Baglan Datoh ialah Haji Yahya Zakaria dari Barisan Nasional. Kerusi Dewan Undangan Negeri Hutan Melintang ialah Puan Radziah Marahudin juga dari BN.